

PERANAN PUSAT KEGIATAN GURU (PKG) DALAM MENINGKATKAN PROFESIONALISME GURU

Prof. Madya Dato' Dr. Abd Rahman Daud

Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjung Malim, Perak

Pengenalan

Penubuhan Pusat Kegiatan Guru (PKG) pada 14 Ogos 1990 selari dengan kehendak Kementerian Pendidikan ketika itu bagi merealisasikan konsep desentralisasi terhadap kemudahan dan perkhidmatan bahan sumber pendidikan melalui penubuhan prasarana rangkaian pusat sumber seperti Pusat Sumber Sekolah (PSS), dan Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN). Penubuhan prasarana ini akan meluaskan konsep perkongsian sumber antara PSS, PKG, dan PSPN serta mengukuh dan meningkatkan prinsip akses maklumat dan sumber yang adil dan saksama dan menjamin kepelbagaian sumber dan maklumat yang diperlukan untuk memenuhi keperluan pembelajaran individu di kalangan pelajar (Yusup,1992). Penubuhan PKG juga dijangka akan menyokong rangkaian Pusat Sumber Pendidikan yang sedia ada seperti PSPN dan PSS dalam memenuhi perubahan-perubahan pendidikan seperti perubahan kurikulum, perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran dan perubahan teknologi baru. Perubahan kurikulum yang berlaku adalah berlandaskan kepada matlamat Falsafah Pendidikan Negara, reformasi pendidikan dan wawasan 2020. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) digubal dan dilaksanakan untuk memenuhi matlamat di atas. Perubahan yang berlaku memerlukan satu pusat untuk menyokong segala perubahan dalam pengajaran dan kurikulum. Oleh itu PKG adalah sebagai tempat guru untuk menerima perubahan-perubahan tersebut.

Kepentingan teknologi baru seperti teknologi instruksional dan teknologi komunikasi dan maklumat (*ICT*) boleh meningkatkan kemahiran guru seperti mengumpul, memproses, menyimpan, menyebarkan serta mendapatkan maklumat semula. Keseluruhan kemahiran ini boleh dicapai menggunakan sistem komputer serta telekomunikasi yang begitu canggih, cepat dan tepat. Implikasinya, pengwujudan PKG ialah membentuk guru-guru supaya dapat memperluaskan dan memperoleh kemahiran baru, maklumat baru dan perubahan sikap serta penggunaan kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah khususnya apabila sekolah bestari akan dilaksanakan pada tahun 2005. Dengan lain perkataan, pendekatan baru dari segi pedagogi atau lebih tegas lagi strategi dan kaedah instruksional yang inovatif dan kreatif diperlukan untuk menggunakan *ICT* di sekolah atau dalam latihan.

PKG diharap dapat menjadi pemangkin untuk merangsang pembangunan profesional guru-guru khususnya meningkatkan pengetahuan dan pembudayaan teknologi pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan dan pengurusan PSS. Ia selaras dengan matlamat pendidikan bestari dan Falsafah Pendidikan

Negara. PKG juga dijadikan pusat perkembangan profesional untuk guru-guru dan masyarakat setempat.

Peranan Pusat Kegiatan Guru

Peranan PKG adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah melalui peningkatan taraf profesional guru berdasarkan kepada penghayatan Falsafah Pendidikan Negara. Bagi mencapai matlamat, peranan dan aktiviti PKG adalah seperti berikut;

1. PKG menjadi Pusat Kegiatan Ikhtisas Kurikulum iaitu sebagai tempat guru berunding, memberi khidmat nasihat, menjalankan seminar, tempat perbincangan, kursus dan bengkel untuk memenuhi keperluan guru setempat yang berkaitan dengan hal-hal pengajaran di sekolah. Penyelaras PKG berperanan sebagai penasihat, pemudahcara, penyampai ilmu, dan sebagai penggerak aktiviti-aktiviti profesional.
2. PKG sebagai Pusat Sumber. Ini bermaksud sebagai pusat yang menyediakan pelbagai media dan bahan rujukan untuk pinjaman khususnya yang diperlukan dalam usaha meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. PKG dikhususkan untuk guru-guru setempat.
3. PKG sebagai Pusat Kegiatan Sosial atau komuniti. Ini bermaksud PKG sebagai tempat guru untuk berinteraksi dengan melaksanakan kegiatan sosial, sukan, rekreasi, kebudayaan dan kesenian. Ianya bertujuan untuk memupuk semangat setiakawan, kekitaan dan kesepasukan. Aktiviti-aktiviti tersebut boleh mewujudkan penyertaan masyarakat awam, agensi-agensi kerajaan, swasta dan juga sekolah.
4. PKG sebagai Agen Perubahan. Ianya dijadikan sebagai pusat melaksanakan perubahan dan inovasi dalam pendidikan khususnya pengemaskinian pengajaran dan pembelajaran melalui teknologi pendidikan, perhubungan dengan masyarakat luar, pengesanan dan penilaian, peningkatan kepuasan kerja, meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran, penggerak ke arah perubahan sendiri, penyebar maklumat serta menjadikan bank idea inovasi dan kreatif. Kesemuanya ini memudahkan perlaksanaan program-program perubahan dalam proses meningkatkan pendidikan setempat.
5. PKG sebagai Agen Penyelesaian Masalah. Ia berupaya menyelesaikan masalah berkaitan dengan masalah pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, aspek kemanusiaan, kemahiran dan kemudahan tempat berkursus, sumber maklumat dan sebagainya (BTP,1992).

Permasalahan Kajian

Penubuhan PKG merupakan satu manifestasi daripada segala perubahan-perubahan yang berlaku di dalam sistem pendidikan di negara ini. Perubahan dan peranjakan paradigma ini sebagai intipati bagi melaksanakan dasar desentralisasi. Dasar ini berkaitan dengan kepentingan perancangan pendidikan kerana:

1. kelemahan sistem birokrasi dalam sesebuah organisasi yang terlampau menitik beratkan peraturan dan prosedur menghalang perkembangan keprofesionalisme;
2. ketidakupayaan pihak atasan bagi menyelesaikan masalah yang begitu banyak. Ini kerana pihak atasan bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan masalah di peringkat atasan tetapi harus juga menyelesaikan masalah di peringkat bawahan. Masalah

di peringkat bahawan sukar untuk diselesaikan kerana ia memerlukan pendekatan yang selari dengan keperluan peringkat tempatan;

3. pendekatan pengurusan yang bercorak *central directive & central control* dalam amalan pendidikan menjadi beku di sekolah tanpa mengambil kira keadaan dan keperluan yang berbeza di antara sekolah luar bandar dan bandar. Ini akan mengongkang keupayaan pengetua/guru besar atau guru mengambil inisiatif yang lebih realistik dan kreatif untuk meningkatkan pendidikan pelajar di sekolah mereka;
4. kajian Bahagian Perancangan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPP,2000) mendapati bilangan guru yang mengikut aktiviti/program anjuran PKG adalah rendah kerana:
 - a. jarak antara sekolah dengan PKG melebihi 20km terutama di kawasan Sabah dan Sarawak.
 - b. guru tidak dapat maklumat aktiviti yang dijalankan di PKG serta alat dan bahan tidak mencukupi yang terdapat di PKG.
 - c. pihak pentadbir tidak melepaskan guru ke PKG kerana masa program/aktiviti tidak sesuai.
 - d. guru sibuk dengan tugas p&p atau dengan aktiviti ko-kurikulum di sekolah.
 - e. penyelarar tidak mempunyai kuasa untuk memanggil guru mengikuti program atau aktiviti di PKG.
5. terdapat pihak pengetua/guru besar tidak membenarkan guru-guru di sekitar PKG melibatkan diri sebagai jawatankuasa kerja bagi menjalankan peranan utama PKG. Di samping itu pihak pegawai atasan dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) tidak berperanan bagi menggerakkan PKG;
6. ketiadaan kakitangan sokongan di PKG serta taraf jawatan menjejaskan keberkesanan peranan PKG. PKG sering ditutup jika penyelarar PKG menghadiri mesyuarat dan penyelarar merasa rendah diri apabila berhadapan dengan guru atau pengetua/gurubesar yang mempunyai gred jawatan yang lebih tinggi (BPPP,2000).

Masalah-masalah yang dihadapi oleh PKG akan berlarutan sekiranya tidak diambil tindakan selanjutnya. Berasaskan masalah-masalah tersebut menyebabkan peranan PKG kurang berkesan dan perlu dikaji semula peranan PKG melalui peranan dan aktiviti yang dijalankan.

Persoalan Kajian

Kajian ini melibatkan beberapa persoalan kajian yang perlu dikaji seperti berikut:

1. Adakah peranan PKG sebagai Pusat Kegiatan Ikhtisas Kurikulum menyumbang kepada peningkatan profesionalisme guru?
2. Adakah peranan PKG sebagai Pusat Sumber mempengaruhi proses p&p di sekolah?
3. Adakah peranan PKG sebagai Pusat Kegiatan Sosial/Komuniti menyumbang kepada peningkatan profesionalisme guru?
4. Adakah peranan PKG sebagai Agen Perubahan mempengaruhi proses p&p di sekolah?
5. Adakah peranan-peranan PKG sebagai Agen Penyelesaian Masalah mempengaruhi proses p&p di sekolah?

Instrumen Kajian

Tiga jenis soal selidik iaitu soal selidik PKG/PPKG untuk Penyelaras PKG, PKG/PGBS untuk pengetua/guru besar dan PKG/GS untuk guru. Sejumlah 367 soal selidik beserta surat lampiran, surat penjelasan, sampul surat berselem dan beralamat sendiri dihantar melalui pos kepada 367 penyelaras PKG, 1101 kepada pengetua/guru besar dan 3303 kepada guru pada pertengahan bulan Mei 2002. Penyelaras PKG, guru besar atau pengetua dan guru diminta memulangkan soal selidik dalam masa 2 minggu. Lebih kurang 15% daripada soal selidik telah dikembalikan pada bulan Jun 2002. Untuk mengatasi partisipan yang tidak mengembalikan soal selidik ini, tindakan susulan dibuat melalui telefon, hantaran semula soal selidik secara pos dan melalui tangan sehingga bulan September 2002. Sejumlah 65 borang penyelaras PKG/PPKG (17.7%), 205 borang pengetua dan guru besar PKG/PGBS (18.5%) dan 700 borang guru PKG/GS (21.2%) telah dikembalikan. Walau bagaimanapun kertas kerja ini hanya melaporkan dapatan dari Penyelaras Pusat Kegiatan Guru (PPKG).

Keputusan dan Perbincangan

Keputusan dan perbincangan adalah berkaitan dengan latar belakang responden kajian dan lima peranan PKG yang di kaji.

Demografi Penyelaras PKG (PPKG)

Hampir 80% penyelaras yang bertugas di PKG telah berkhidmat lebih dari 5 tahun dan mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun. Jumlah yang menghadiri kursus dan yang mempunyai kelulusan yang berkaitan dengan Teknologi Pendidikan adalah seperti Jadual 1 dan 2.

Jadual 1:
PPKG yang menghadiri kursus (N=65)

Jenis Kursus	Peratus
Teknologi Pendidikan	64.4
Sains Perpustakaan	36.9
Teknologi Maklumat	46.2

Jadual 2:
PPKG yang mempunyai kelulusan (N=65)

Jenis Kursus	Peratus
Sijil/Diploma Teknologi Pendidikan	30.8
Sijil/Sains Perpustakaan	16.9
Sijil/Teknologi Maklumat	16.9

Dari segi pengambilan, sejumlah 49 guru (75.4%) dilantik dan 16 orang (24.6%) memohon jawatan ini. Dari jumlah ini 88.7% adalah lelaki dan 11.3% adalah perempuan. Sejumlah 34 PKG (54.0%) mempunyai bangunan sendiri dan 29 PKG (46%) tidak mempunyai bangunan sendiri, 20 PKG (31.7%) berada di kawasan bandar dan 43 PKG (68.3%) berada di kawasan luar bandar.

Peranan PKG

Peranan PKG sebagai Pusat Kegiatan Ikhtisas.

Terdapat aktiviti yang disenaraikan untuk memenuhi peranan PKG sebagai Pusat Kegiatan Ikhtisas.

1. Memberi khidmat nasihat tentang kurikulum dan instruksi. Lebih kurang 86% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 54% daripadanya melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Data ini menunjukkan bahawa aktiviti ini telah dijalankan.
2. Memberi khidmat nasihat tentang pemilihan media dan kaedah pengajaran yang berkesan. Lebih kurang 89.3% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 62.5% melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Data ini menunjukkan bahawa aktiviti ini telah dijalankan.
3. Menganjur seminar, forum atau diskusi tentang pendekatan baru dalam pengajaran dan pembelajaran. Lebih kurang 88.7% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 50.9% melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Ini menunjukkan bahawa aktiviti ini telah dijalankan.
4. Mengadakan bengkel pembinaan alat dan bahan bantu mengajar seperti transparensi, carta, kad imbasan dan lain-lain bahan teknologi lama. Lebih kurang 91.4% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 67.2% melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Menunjukkan aktiviti ini telah dijalankan.
5. Mengadakan perbincangan dengan guru setempat tentang kurikulum dan pengajaran. Lebih kurang 84% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 52% melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Ini menunjukkan aktiviti ini telah dijalankan.
6. Merancang jadual kegiatan iktisas PKG untuk jangka pendek dan jangka panjang. 93% PPKG telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 61.4% melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Ini menunjukkan aktiviti ini telah dijalankan.
7. Menghadiri seminar tentang peningkatan profesionalisme perguruan. 80% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 54.4% melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Data ini menunjukkan bahawa aktiviti ini telah dijalankan.
8. Melawat sekolah untuk mengesan masalah pengajaran dan pembelajaran. Lebih kurang 82.7% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 42.2% melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Aktiviti ini dapat dijalankan.
9. Menjalankan aktiviti iktisas secara jawatankuasa. Lebih kurang 76.5% PPKG telah melaksanakan aktiviti ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 55.7% melaksanakan antara 2-5 kali setahun dan kesannya aktiviti ini dapat dijalankan.
10. Menyediakan peluang untuk guru mencuba pendekatan baru dalam usaha meningkatkan p&p. 81.6% PPKG dapat melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 61.3% melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Aktiviti ini dapat dijalankan.

Peranan PKG sebagai Pusat Sumber

1. Menyediakan bahan cetak dan bukan cetak untuk rujukkan guru. Semua PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini. Walau bagaimanapun 61.7% PPKG telah menyediakan perkhidmatan ini antara 2-5 kali setahun. Aktiviti ini dapat dijalankan.
2. Meminjam peralatan media yang tidak terdapat di sekolah. Lebih kurang 96.3% PPKG melaporkan telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun, 42.6% antara 2-5 kali setahun dan 37.7% melaksanakan antara 10-20 kali setahun dan aktiviti ini telah dijalankan.
3. Membantu guru membuat salinan audio, CD atau Video. Lebih kurang 96.1% PPKG menyatakan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun, 40.0% melaksanakan antara 2-5 kali dan 19.9% antara 10-20 kali setahun yang mana aktiviti ini telah dijalankan.
4. Menyediakan kemudahan untuk menerbitkan bahan pengajaran video dan multimedia. Lebih kurang 79.6% PPKG telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun, 47.0% melaksanakan antara 2-5 kali dan 12.2% melaksanakannya antara 10-20 kali setahun menyebabkan aktiviti ini dapat dilaksanakan.
5. Membantu penyelarass PSS menilai bahan media untuk koleksi PSS. 96.4% PPKG dapat melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun, 60.7% 2-5 kali dan 16.1% antara 10-20 kali setahun.

Peranan PKG sebagai Pusat Kegiatan Sosial

1. Menganjur hari keluarga guru. 29.3% PPKG dapat melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun.
2. Menyelaras aktiviti sosial guru. Dapat dilaksanakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun, 74.5% dan 45.1% melaksanakan antara 2-5 kali setahun yang mana aktiviti ini telah dijalankan.
3. Mengadakan hari terbuka PKG. Lebih kurang 34.1% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 14.6% melaksanakan antara 2-5 kali setahun.
4. Mengadakan program gotong royong masyarakat setempat. Lebih kurang 45.2% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 28.6% melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Ini menunjukkan bahawa aktiviti ini telah dilaksanakan.

Peranan PKG sebagai Agen Perubahan

1. Meneroka dan mencuba idea/inovasi baru atau amalan baru untuk meningkatkan proses p&p. Lebih kurang 83.75% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 57.1% melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Data ini menunjukkan aktiviti ini telah dijalankan.
2. Menyebar idea/amalan baru tentang penggunaan teknologi pendidikan dalam p&p. 96.2% PPKG menyatakan, mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 67.9% melaksanakan antara 2-5 kali setahun.

3. Menjadi perintis kepada perkembangan atau amalan baru dalam p&p. 79.5% PPKG melaporkan bahawa mekeka dapat melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 52.2% melakukannya antara 2-5 kali dalam setahun yang menunjukkan bahawa aktiviti ini telah dijalankan.
4. Bekerja dengan guru pakar, panatia sekolah dan PPD untuk mencetuskan perubahan dalam p&p. 94.4% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 72.2% melaksanakan antara 2-5 kali setahun. Ini menunjukkan bahawa peranan ini telah dijalankan.

Sebagai Agen Penyelesaian Masalah

1. Membantu guru menyelesaikan masalah p&p dalam bilik darjah. Lebih kurang 91.5% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan 57.4% antara 2-5 kali setahun dan 8.5% antara 10-20 kali setahun dan aktiviti ini dapat dijalankan.
2. Membantu guru kelas mencuba pendekatan baru dalam p&p menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. 86.3% PPKG melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun, 66.6% antara 2-5 kali dan 4.0% antara 10-20 kali setahun. Menunjukkan aktiviti ini dapat dijalankan.
3. Menubuhkan Jawatankuasa Kurikulum dan Pengajaran peringkat PKG untuk menyelesaikan masalah p&p dalam bilik darjah. 76.1% PPKG menyatakan mereka telah melaksanakan aktiviti ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun, 66.6% antara 2-5 kali setahun. Aktiviti ini dapat dijalankan.
4. Menggalakkan guru mencuba pendekatan baru dalam p&p melalui pendekatan pengajaran mikro. 87.5% melaporkan bahawa mereka telah melaksanakan peranan ini sekurang-kurangnya 1 kali setahun, 45.9% antara 2-5 kali dan 2.1% antara 10-20 kali setahun. Aktiviti ini dapat dijalankan.

Cadangan Kajian

1. Untuk meningkatkan profesionalisme guru, peranan PKG sebagai Pusat Iktisas Kurikulum harus mengadakan lebih banyak kursus dalam perkhidmatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 77.7% guru menghadiri kursus 1 kali setahun manakala 22.3% tidak pernah menghadiri kursus.
2. Untuk meningkatkan profesionalisme guru, peranan PKG sebagai Pusat Sumber harus;
 - a. menggalakkan guru meminjam alat dan bahan dari PKG untuk menyokong proses p&p. Data menunjukkan 39.5% guru meminjam alat dan bahan media.
 - b. menambah dan meningkatkan kualiti alat dan bahan di PKG. Data menunjukan 87% penyelaras PKG melaporkan bilangan alat dan bahan terkini perlu ditambah. Data daripada penyelaras PKG juga menunjukkan peranan sebagai pusat sumber rendah dari segi kepuasan (41.7%) berbanding peranan sebagai pusat iktisas (71.7%), agen perubahan (55.0%) dan agen penyelesaian masalah (41.7%). Namun dari segi aktiviti yang dijalankan, peranan sebagai pusat sumber menduduki tempat pertama (94.3%). Ini menunjukkan peranan PKG sebagai pusat sumber lebih relevan dan menonjol.

- c untuk meningkatkan peranan PKG, lebih banyak promosi harus dijalankan seperti mengadakan ceramah, menerbitkan risalah dan melawat sekolah bagi menjelaskan peranan dan perkhidmatan yang disediakan di PKG.
- d untuk meningkatkan lagi peranan PKG sebagai pusat iktisad yang boleh meningkatkan profesionalisme guru, lebih banyak kursus, bengkel tentang penghasilan bahan dan penggunaan strategi pengajaran dapat diadakan untuk guru. Untuk itu satu jadual perancangan aktiviti harus dirancang untuk guru menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.
- e penyelarasa PKG hendaklah dipilih secara temuduga bukan secara lantikan (77%) dan mereka harus mempunyai kelulusan dalam bidang reka bentuk instruksional dan teknologi (30%). Bagi mereka yang sedang berkhidmat, mereka harus meningkatkan kemahiran dalam bidang ini dengan mengikuti kursus di dalam dan luar negara.
- f kakitangan profesional dan kaki tangan sokongan harus ditambah jika PKG itu kerap menjalankan aktiviti berasaskan kepada lima peranan yang ditetapkan oleh BTP, Kementerian Pelajaran. Kajian BPPP (2000) menunjukkan PKG perlukan kakitangan sokongan untuk menjalankan aktiviti atau program di PKG.
- g peranan sebagai Pusat Sumber juga boleh meningkatkan profesionalisme guru. Peranan ini boleh ditingkatkan jika PKG mempunyai bahan rujukan, peralatan dan bahan media yang cukup serta terkini untuk menjalankan kursus bagi memberi pinjaman kepada sekolah yang memerlukannya. Untuk meningkatkan penggunaan ICT, PKG harus mempunyai sebuah makmal komputer yang lengkap untuk melatih guru terutama yang berkhidmat di sekolah bestari.

Rumusan

Data yang diperolehi dari penyelarasa PKG menunjukkan bahawa peranan PKG telah dapat meningkatkan profesionalisme guru menerusi aktiviti yang dijalankan bagi lima peranan yang menjadi tujuan kajian. Berikut adalah susunan lima peranan PKG yang tertinggi hingga yang terendah; Sebagai Pusat Sumber (94.3%), Sebagai Ajen Perubahan (88.4%), Sebagai Ajen Penyelesaian Masalah (85.3%), Sebagai Pusat Iktisad (84%) dan Sebagai Pusat Kegiatan Sosial (45.7%).

Rujukan

- Abd.Latif Gapor. (1989). Hubungan di antara Pembolehubah-Pembolehubah Terpilih Guru Terhadap satu Inovasi, Kes PSPN Pahang; *Tesis Sarjana Pendidikan: Universiti Sains Malaysia*.
- Abd.Rahman Daud. (1999). *Konsep dan Peranan Teknologi Pendidikan*. Edusystem Sdn.Bhd. Selayang: Kuala Lumpur.
- Abdul Rashid Abdul Rahman. (1998). Penilaian Sumbangan PKG Terhadap Peningkatan Profesionalisme Guru-Guru Sekolah Setempat. *Laporan Projek: Universiti Teknologi Malaysia*.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (1995). *Penggunaan Pusat Kegiatan Guru Dalam Meningkatkan Profesionalisme Guru Melalui Program dan Aktivitinya*. Kementerian Pendidikan Malaysia:Kuala Lumpur.

- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2000). *Kajian Penilaian Pusat Kegiatan Guru*. Kementerian Pendidikan Malaysia:Kuala Lumpur.
- Bahagian Teknologi Pendidikan. (1992). *PKG: Konsep dan Pengoperasian*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Bahagian Teknologi Pendidikan. (2000). *Kajian Pengesanan Fungsi dan Tanggungjawab Pusat Kegiatan Guru.Kajian*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Bahagian Teknologi Pendidikan. (2001). *Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN), Bahagian Teknologi Pendidikan Neger (BTPN): Masa Lalu, Masa Kini dan Masa Depan*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Bahagian Teknologi Pendidikan. (1999). *Pengoperasian PKG*. Edisi Ke-2. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Berita Harian, 23 September, 1991.
- Berita Harian, Jumaat, 11 Rejab 1409.
- Yusup Hashim. (1992). *Pusat Sumber Pendidikan Negeri: Penubuhan dan Perkembangannya dari kaca mata Kementerian Pendidikan Malaysia.Kertas Kerja Dibentangkan semasa Ulang tahun Ke-20 Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.*